

29 JUL 2003

MSC-KOMITMEN/I

BANGUNAN BARU ERICSSON, HSBC CERMIN KOMITMEN TERHADAP KEJAYAAN MSC

CYBERJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Pembinaan bangunan baru Ericsson dan HSBC di Cyberjaya mencerminkan komitmen masing-masing terhadap kejayaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kata kedua-dua syarikat itu hari ini.

Ericsson adalah pembekal sistem mudah alih terbesar di dunia, manakala HSBC merupakan salah sebuah organisasi perbankan dan perkhidmatan kewangan terbesar di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini merasmikan Ericsson@MSC, sebuah bangunan ibu pejabat dan pusat serantau Ericsson Malaysia yang menelan kos RM80 juta, dan bangunan HSBC Electronic Dataprocessing (M) Sdn Bhd, yang menempatkan Pusat Perkhidmatan Kumpulan (GSC) keenam dan terbesar HSBC.

Kedua-dua bangunan itu dibina di bandar raya pintar ini, yang merupakan nukleus bagi projek MSC yang terletak di kawasan seluas 750 km persegi di antara Pusat Bandaraya Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di selatan.

"Pembinaan Ericsson@MSC jelas mencerminkan keyakinan dan sokongan terhadap MSC dan sejauh mana komitmen kami pada masa hadapan," kata presiden Ericsson bagi rantau Asia Pasifik, Ragnar Back.

Berucap pada perasmian bangunan itu, Back berkata, Ericsson@MSC juga mencerminkan komitmen jangka panjang Ericsson kepada negara ini.

"Kami merupakan vendor telekom asing pertama yang mengadakan operasi di negara ini pada 1965," katanya.

Dipercayai Ericsson@MSC merupakan bangunan pertama di Asia yang menempatkan peragaan utama sistem GSM, GPRS, EDGE dan WCDMA, yang mempamerkan evolusi standard telekomunikasi mudah alih daripada GSM kepada 3G.

"Pemilihan Malaysia, khususnya MSC, bagi menempatkan pameran ini merupakan pilihan yang logik bagi kami kerana negara ini adalah antara yang pertama di rantau ini yang menerima pakai teknologi 3G (sistem mudah alih jalur lebar generasi ketiga)," katanya.

Sementara itu, pada majlis perasmian bangunan HSBC, timbalan pengerusi dan ketua pegawai eksekutif HSBC Bank Malaysia Bhd, Zarir J Cama berkata, semasa Kumpulan HSBC mengambil keputusan untuk membuka GSC keenamnya, Cyberjaya muncul teratas dalam senarai tempat pilihan.

Prasarana yang amat baik, ketersediaan tenaga kerja yang cukup berkecukupan dan galakan-galakan cukai yang dinikmati melalui status MSC merupakan antara sebab-sebab utama Cyberjaya dipilih, katanya.

"GSC ini mencerminkan komitmen Kumpulan HSBC terhadap Malaysia.

"Kami amat berbangga dapat memberi sumbangan dan mengambil bahagian dalam peringkat pertumbuhan Malaysia yang menarik ini," kata beliau.

Ketua pegawai operasi Kumpulan HSBC, Alan Jebson berkata, syarikat itu akan melabur sejumlah RM80 juta bagi GSCnya di Malaysia dalam tempoh tiga tahun akan datang.

GSC itu, yang pada masa ini beroperasi di sebuah bangunan sementara sejak April tahun ini, akan berpindah ke bangunan baru yang dibina khusus baginya. Bangunan itu dijangka siap tahun depan. -- BERNAMA

MAD FR KY AHM